

Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)

**AMALAN PENTAKSIRAN GURU DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN  
MENULIS KARANGAN ARGUMENTATIF: SATU KAJIAN KES  
TERHADAP GURU SEKOLAH MENENGAH**

(Teachers' Assessment Practices Towards Argumentative Writing Skill: A Case  
Study of Secondary School Teachers)

**MARZNI MOHAMED  
MOKHTAR**

[marzni@putra.upm.edu.my](mailto:marzni@putra.upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

**ROSELAN BAKI**

[ros\\_baki@putra.upm.edu.my](mailto:ros_baki@putra.upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

**FADZILAH ABD. RAHMAN**

[fadzilah@educ.upm.edu.my](mailto:fadzilah@educ.upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

**Diserah pada:**

20 Mei 2013

**Diterima pada:**

15 September 2013

**Koresponden:**

[marzni@putra.upm.edu.my](mailto:marzni@putra.upm.edu.my)

**Abstrak:** Kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna sekiranya dipadankan bersama proses pentaksiran yang berkesan bagi mencapai sesuatu objektif pengajaran. Tugas ini perlu digalas oleh individu guru bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dan proses pentaksiran dapat dilaksanakan secara beriringan. Bagi tujuan ini, guru perlu memiliki pengetahuan dan pengalaman yang kompeten berkaitan proses pentaksiran yang bakal dilangsungkan. Penghasilan wacana argumentatif mempunyai ekspektasi bahawa murid perlu mengemukakan fakta dan huraian yang padat dan jelas dalam sesebuah penulisan selain daripada mengelakkan timbulnya sebarang keraguan dalam kalangan pembaca terhadap isu yang dibincangkan. Hal ini demikian membawa kepada perlunya sistem pentaksiran yang bersesuaian untuk menaksir kemampuan murid menulis karangan argumentatif. Justeru, makalah ini akan memberikan perhatian terhadap persoalan berkaitan bagaimana guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah menengah melaksanakan amalan pentaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif. Gambaran yang menyeluruh bagi memperlihatkan amalan pentaksiran karangan peserta kajian dapat dijanadengan menggunakan reka bentuk penyelidikan kajian kes kualitatif. Malah, metodologi kajian kes kualitatif ini melibatkan penyertaan enam orang guru Bahasa Melayu yang berperanan sebagai pembekal data yang “kaya”, dan tiga teknik pengumpulan data iaitu temu bual separa berstruktur, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisisan dokumen karangan argumentatif. Terdapat empat tema utama yang dapat dibentuk iaitu prosedur, pendekatan, pembinaan komunikasi antara guru dengan murid dan masalah pelaksanaan amalan pentaksiran karangan bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan.

**Kata kunci:** Amalan pentaksiran, karangan argumentatif, kajian kes kualitatif, amalan pentaksiran guru

**Abstract:** The assessment of writing ability is the single most important to practical progress in composition teaching. Argumentative writing, in particular, demands audience awareness because the writer must consider the potential alternative perspectives of an audience to achieve the compositional goal of convincing an audience to adopt a certain position on an issue. To argue effectively, students must first be able to articulate their thinking, and then also be able to reflect on that thinking. Even though many writing scales have been developed, instructors, educational administrators or researchers may have to develop new scales to fit argumentative writing skill testing situation. This study was conducted to examine teachers' assessment practices towards argumentative writing skill. Through a purposive sampling method, six teachers were chosen from three secondary schools in Penang state, which represent each of the following form: Form two, form three, and form six. Objectives of the study were, to understand how teachers carried out their assessment practices towards argumentative writing skill. A qualitative case study research design was employed in order to achieve the objectives. In regard, four types of data collection technique were carried out. The techniques were semi-structured interview, observation, video recording, and document analysis. Findings of this study suggested that four themes were dominant for teachers' assessment practices towards argumentative writing skill. The themes were procedure, approach, communication between student and teacher, and finally problems faced within the process of assessment.

**Keywords:** Writing assessment, argumentative writing, qualitative case study, teacher's assessment practices

## PENGENALAN

Guru Bahasa Melayu sewajarnya mempunyai kecekapan untuk mengajar empat jenis wacana iaitu deskriptif, naratif, ekspositori dan argumentatif dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Wacana argumentatif diandaikan sebagai wacana yang paling kompleks untuk dipelajari dan dikuasai oleh murid dalam pengajaran kemahiran menulis karangan. Dalam sesebuah penulisan karangan argumentatif, murid digalakkan untuk menguasai kosa kata, cekap menggunakan pelbagai ayat dan penanda wacana yang bersesuaian (Wei Zhu, 2001; Abdul Jalil, Mahzan & Rahmad Sukor, 2008; Wolfe, Britt & Butler, 2009; Diah Zuikaningsih, 2010 & Moore & MacArthur, 2011). Malah, wacana argumentatif juga terbina menerusi perbincangan dua atau lebih hujah yang bernas bagi sesuatu isu dengan bertujuan membuktikan kesahihan sesuatu perkara (Wood, 2001 & Yahya, 2005).

Melihat pada keperluan ini, proses pentaksiran yang tepat dan sesuai juga diperlukan bagi memastikan pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif selaras dengan ciri proses penulisan karangan argumentatif (Charney, 1984; Wolfe, et al., 2009, Nimehchisalem, 2011; Moore & McArthur, 2011). Sehubungan itu, pentaksiran karangan Bahasa Melayu yang dilaksanakan dalam bilik darjah seharusnya mengimbangkan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini sangat penting bagi membolehkan guru menentukan keperluan pembelajaran yang disesuaikan dengan keupayaan murid.

## PROSES PENTAKSIRAN KARANGAN BAHASA MELAYU

Tatacara proses pentaksiran karangan Bahasa Melayu dilakukan dengan cara guru memeriksa karangan dengan membaca bagi tujuan pengredan atau memarkahkannya berdasarkan kriteria penting sama ada ditaksir dalam bentuk abjad atau angka yang difikirkan sesuai. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah menyediakan skema pemarkahan bagi membantu guru menentukan kedudukan, memarkahkan atau mengredkan hasil penulisan (karangan murid) dibuat dengan pantas melalui pembacaan untuk mendapatkan hasil keseluruhan prestasi murid

dalam P&P kemahiran menulis. Skema pemarkahan yang dibangunkan oleh LPM dan MPM merangkumi aspek kebolehan murid menghasilkan karangan yang mengandungi kecekapan bahasa (mekanis), laras (dinamis), idea (isi), pengolahan dan gaya bahasa.

Skema ini menaksir produk penulisan murid berasaskan tanggapan (*impression*) keseluruhan pemeriksa terhadap karangan yang diperiksa. Pengredan perlakuan bagi semua jenis karangan adalah menggunakan skema yang sama. Bagi memudahkan para guru Bahasa Melayu melaksanakan proses pentaksiran karangan Bahasa Melayu bagi penilaian bahasa kendalian sekolah, para guru telah disarankan menggunakan pendekatan analitik, holistik atau gabungan kedua-duanya dalam pentaksiran hasil penulisan (KPM, 2007).

## Pendekatan Pentaksiran Holistik

Dalam sistem pendidikan Bahasa Melayu, pentaksiran holistik merupakan antara pendekatan yang digunakan bagi menaksir hasil penulisan murid. Pentaksiran holistik merupakan pendekatan yang menuntut guru melakukan tanggapan secara keseluruhan dan bukan bergantung pada bahagian-bahagian yang dirangka untuk melengkapkan sesebuah hasil penulisan (Hashim, 2003 & Noor Izham, Zamri, A Rahman & Rozaiman, 2012). Kaedah tanggapan ini dapat dibuat dalam bentuk pengredan, peratusan ataupun penggunaan nombor yang telah ditentukan skala ordinalnya melalui binaan kriteria deskriptif (Bacha, 2001 & Abdullah, Saadiyah & Norhayati, 2003). Pengaplikasian pentaksiran holistik dalam peperiksaan formal dan program penilaian yang melibatkan ramai calon sangat relevan kerana pentaksiran holistik dapat menjimatkan masa guru dan mempunyai kelebihan dari segi kesahan dan kebolehppercayaan (Bacha, 2001 & Cho, 2003).

Tatacara pentaksiran holistik dimulakan dengan cara guru menyediakan karangan contoh terlebih dahulu sebagai panduan untuk guru menaksir karangan murid. Setelah itu, guru akan membaca setiap karangan murid dengan cepat dan perlu membentuk suatu pandangan umum tentang kualiti karangan murid tersebut, kemudian guru memberikan fokus pada keseluruhan karangan sebagai satu unit yang bersepadu. Pada akhir

proses pentaksiran, guru akan membandingkan karangan murid secara keseluruhan dengan karangan contoh yang disediakan pada awalnya. Satu *rating* diberikan kepada karangan murid tersebut. Penggunaan pentaksiran holistik juga memerlukan pembacaan secara cepat bagi mengklasifikasikan karangan murid mengikut kategori baik, sederhana atau lemah, sebelum guru memberikan markah.

Setelah guru mengkategorikan karangan murid yang bersesuaian dengan tahap prestasi penulisan murid, guru perlu membaca karangan tersebut buat kali kedua. Pembacaan buat kali kedua dilakukan bagi mengesahkan bahawa karangan yang dimasukkan bagi setiap kategori menunjukkan ciri yang hampir serupa sebelum guru memberikan markah. Pada akhir proses pentaksiran holistik, guru akan memberikan markah yang sama bagi kesemua karangan yang dimasukkan dalam kategori yang sama. Pendekatan pentaksiran holistik didapati amat relevan digunakan bagi karangan respons terbuka kerana murid dikehendaki melakukan proses sintesis atau mereka cipta kerana tiada satu jawapan tepat yang boleh ditentukan terlebih dahulu.

### **Pendekatan Pentaksiran Analitik**

Pendekatan pentaksiran analitik pula mempunyai tuntutan yang berbeza sekiranya dibandingkan dengan pendekatan pentaksiran holistik. Perbezaan ini dapat dilihat pada pemberatan guru memarkahkan karangan mengikut aspek yang berlainan dalam menentukan markah bagi hasil penulisan seseorang murid (Bacha, 2001 & Normah, 2006). Antara aspek yang diberikan tumpuan untuk dianalisis oleh seseorang pemeriksa terhadap transkrip yang ditulis oleh murid ialah kandungan, organisasi, bahasa, kosa kata dan tatabahasa. Bacha (2001) juga menegaskan bahawa penggunaan pendekatan analitik akan menyebabkan guru akan membuat penilaian berdasarkan kepada aspek yang diberikan penekanan sahaja dalam sesebuah penulisan. Malah, pentaksiran analitik juga dilihat mempunyai persamaan dengan pentaksiran holistik memandangkan penentuan prestasi murid bagi transkrip karangan murid dibuat dengan cara dikategorikan sama ada berada pada tahap baik, sederhana mahupun lemah (Ahmad Hozzi, 2009).

Pengaplikasian pentaksiran analitik mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya pentaksiran analitik memerlukan masa yang panjang dan sukar untuk dilakukan walaupun kebolehpercayaannya adalah lebih tinggi daripada pentaksiran holistik (Hashim, 2003). Dalam pentaksiran analitik, dua cara untuk menaksir karangan digunakan iaitu skala kadar dan rubrik pentaksiran analitik. Rubrik pentaksiran analitik digunakan bagi tugas karangan yang berkaitan dengan kandungan mata pelajaran, apabila soalan karangan tersebut berfokus dan memerlukan respons terhad. Misalnya suatu soalan itu diperuntukkan 5 markah, maka guru perlu menentukan jawapan murid yang harus diberikan 5 markah, 4 markah dan seterusnya, iaitu satu skema permarkahan haruslah disediakan. Apabila guru menggunakan rubrik ini, guru sewajarnya memutuskan pemberian markah yang relevan terhadap jawapan murid sekiranya murid berjaya menyenaraikan unsur-unsur yang berpadanan dengan rubrik pentaksiran analitik yang telah dibangunkan terlebih dahulu.

### **PENYATAAN MASALAH**

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah membangunkan kerangka skema permarkahan yang menggunakan pendekatan holistik dan analitik untuk menaksir produk penulisan karangan murid dalam sesebuah pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu (Abdullah, et al., 2003). Namun begitu, para guru didapati terlalu bergantung pada skema yang disediakan oleh MPM dan LPM. Kesannya, guru hanya berupaya untuk menggredkan karangan yang dihasilkan murid sahaja dan bukannya kemahiran menguasai proses penulisan karangan dengan sewajarnya (Hashim, 2003; Normah, 2006; Harison @ Hanisa, 2010 & Noor Izham et al., 2012). Ironinya, keberkesanan proses pentaksiran yang dilaksanakan diragui apabila guru didapati hanya meneliti pada kandungan ujian yang diperincikan dalam skema permarkahan semata-mata. Hal ini akan menjejaskan proses pentaksiran kerana guru hanya mampu untuk menaksir pengetahuan fakta murid sahaja dan bukannya prestasi murid yang

sebenarnya dalam mempelajari dan menguasai pengajaran kemahiran menulis karangan.

Selanjutnya, tumpuan murid untuk terus menulis bagi menjana idea semaksimum juga didapati terjejas lantaran dipengaruhi sikap terlalu berhati-hati agar tidak melakukan kesilapan berkaitan aspek bahasa yang diberi penekanan langsung oleh pemeriksa, di samping terikat dengan masa untuk menyelesaikan tugas mengarang (Suzana & Jamil, 2012). Menyedari hal ini, Shepard (2000) menjelaskan bahawa kefahaman yang lebih jelas terhadap bagaimana proses pentaksiran perlu dibentuk dalam memastikan objektif pengajaran dan proses pentaksiran guru berhubungan secara bertimbal balik. Justeru, makalah ini akan membincangkan tujuan kajian dilaksanakan dengan meneliti pada persoalan kajian iaitu meninjau sejauh mana potensi amalan pentaksiran dinamik berasaskan kurikulum dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu di sekolah menengah.

#### **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk memahami bagaimana guru melaksanakan amalan pentaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif. Makalah ini akan membincangkan secara khusus berkaitan persoalan kajian berikut: Bagaimanakah guru melaksanakan amalan pentaksiran dalam

pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif?

#### **METODOLOGI**

Penyempurnaan kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kerangka metodologi kajian kes kualitatif satu kes pelbagai tempat (Gerring, 2007, Yin, 2003 & 2009; Roselan, 2001, 2003a & 2003b) yang menjadikan enam orang guru Bahasa Melayu sebagai peserta kajian. Kesemua peserta kajian ini melibatkan diri secara sukarela untuk membekalkan data-data kajian. Peserta-peserta kajian ini telah dilabel sebagai P1, P2, P3, P4, P5 dan P6. Beberapa kriteria telah dibangunkan sewaktu pemilihan peserta kajian dilaksanakan dalam kajian ini dan berpadanan dengan tuntutan teknik persampelan bertujuan (Gerring, 2007 & Yin, 2003 & 2009). Kriteria-kriteria pemilihan peserta kajian bagi kajian ini ialah:

1. Penglibatan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan tidak melibatkan sebarang paksaan
2. Peserta kajian merupakan individu guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu
3. Peserta kajian memiliki pengalaman mengajar lebih dari 3 tahun
4. Kesiediaan peserta kajian untuk berkongsi pengalaman peribadi mereka bersama pengkaji.

Berikut ialah ringkasan profil bagi keenam-enam peserta kajian yang secara sukarela melibatkan diri sebagai pembelak data kajian:

JADUAL 1: Butiran peribadi peserta kajian

| Butiran Peribadi                                | Peserta Kajian  |   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|---|---|
|   | Pn. Eva (P1)  | Pn. Syuzila (P2)                                  | Pn. Zaimah (P3)   | Pn. Shamila (P4)  | En. Hafiz (P5)  | En. Rahman (P6)   |
| Umur  | 46  | 31  | 49  | 42  | 37  | 29  |
| Sekolah   | Menengah<br>Harian<br>(SMK1)  | Menengah<br>Harian<br>(SMK1)                      | SBT<br>(SBT2)   | SBT<br>(SBT2)   | Kluster<br>(SKK3)   | Kluster<br>(SKK3)   |
| Kelayakan<br>ikhtisas                           | Ijazah Sarjana<br>Muda Sastera<br>USM<br>&<br>Diploma<br>Pendidikan<br>Bahasa Melayu<br>USM | Ijazah<br>Sarjana Muda<br>Pendidikan<br>IT<br>UUM | Ijazah<br>Sarjana Muda<br>Persuratan<br>Melayu<br>&<br>Diploma<br>Pendidikan<br>TESL<br>UKM | Ijazah<br>Sarjana Muda<br>Seni Halus<br>USM<br>&<br>Diploma<br>Pendidikan<br>Maktab<br>Perguruan<br>Johor | Ijazah Sarjana<br>Linguistik<br>Universiti<br>Chubu, Jepun<br>&<br>Ijazah Sarjana<br>Muda<br>Pendidikan<br>Bahasa<br>Melayu USM | Ijazah Sarjana<br>Muda<br>Pendidikan<br>Kesusasteraan<br>Melayu<br>UPSI |
| Pengalaman<br>mengajar<br>Kejayaan              | 20 tahun  | 11 tahun  | 22 tahun  | 17 tahun  | 13 tahun  | 3 tahun   |
|   | Anugerah<br>Perkhid.<br>Cemerlang<br>2005   | Anugerah<br>Perkhid.<br>Cemerlang<br>2009         | Anugerah<br>Perkhid.<br>Cemerlang<br>&<br>Guru<br>Cemerlang<br>2008                         | Jurulatih<br>Utama<br>Pendidikan<br>Seni &<br>Bahasa<br>Melayu pada<br>peringkat<br>Negeri Johor          | Jurulatih<br>Utama Bahasa<br>Melayu Pada<br>Peringkat<br>Negeri Pulau<br>Pinang<br>& Ahli<br>PEMIKIR                            | Tiada   |
| Pengalaman<br>sebagai<br>Pemeriksa<br>Kertas BM | Tiada   | Kertas 1<br>PMR & SPM                             | Tiada   | Kertas 1<br>PMR   | Kertas 1<br>STPM  | Kertas 2<br>SPM   |

Pemilihan lokasi kajian telah diadakan di tiga buah sekolah menengah di Pulau Pinang yang masing-masing dirujuk sebagai SMK1, SBT2 dan SKK3. Proses pengumpulan data melibatkan tiga teknik utama iaitu temu bual separa berstruktur, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisan dokumen iaitu karangan argumentatif yang dihasilkan oleh murid. Triangulasi teknik pengumpulan data amat bermakna dalam kajian ini (Yin, 2009; Glesne, 2011) memandangkan tujuan kajian ini adalah untuk memahami potensi amalan pentaksiran dinamik berasaskan kurikulum dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif diaplikasikan oleh guru Bahasa Melayu di sekolah menengah. Selanjutnya, proses penganalisan data kajian melibatkan tiga peringkat, iaitu tahap permulaan (penulisan semula verbatim transkrip temu bual), proses lanjutan data yang merangkumi

pembinaan kod dan tema dan diakhiri tahap pemaparan data dalam bentuk jadual, carta alir mahupun peta konsep (Suseela, 2001 & Glesne, 2006 & 2011). Yang berikutnya ialah perbincangan dapatan kajian berkaitan perspektif peserta kajian bagi amalan pentaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif.

## DAPATAN KAJIAN

Terdapat empat aspek utama yang mendasari dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian iaitu bagaimana guru Bahasa Melayu melaksanakan amalan pentaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif. Empat tema ini merangkumi aspek prosedur, pendekatan, pembinaan komunikasi antara guru dengan murid dan

masalah proses pentaksiran karangan. Kesemua dapatan yang dikemukakan oleh keenam-enam peserta kajian dilakukan berdasarkan kepada pengalaman mengajar, pengetahuan dan kelayakan ikhtisas yang dimiliki dan difikirkan bersesuaian dengan persoalan yang dikemukakan.

### Prosedur Pentaksiran Karangan

Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat beberapa prosedur pentaksiran yang dilaksanakan oleh peserta kajian. Antaranya ialah penggunaan

kaedah tanggapan dengan membaca karangan murid sebelum memberikan markah, penggunaan skema permarkahan, bersikap rigid dalam memberikan markah dengan menekankan pada aspek penggunaan kosa kata, ejaan dan kekemasan tulisan murid, pemeriksaan karangan murid dibuat secara langsung di dalam bilik darjah dengan memanggil murid untuk menegur kesalahan yang dilakukan dalam penulisan karangan dan perkongsian maklumat dengan murid berkaitan Laporan Prestasi Murid dalam STPM.

JADUAL 2: Pembuktian dapatan kajian bagi prosedur pentaksiran karangan

| Prosedur Pentaksiran Karangan  | Pembuktian Data   |
|--|---|
| Penggunaan kaedah tanggapan  | <p><b>Pembacaan dua kali dengan menggunakan kaedah tanggapan sebelum menggredkan hasil penulisan murid:</b><br/>           P1: Sepintas lalu lepas tu kali yang kedua kita baca tu barulah kita buat pemeriksaanlah lepas tu kita golongkan karangan pelajar tu kepada kategori cemerlang, sederhana ataupun lemah. Baru kita buat barulah kita beri markahlah bagi karangan tersebut (TB5P1).</p> <p><b>Pengalaman menjadi pemeriksa kertas peperiksaan PMR telah menyebabkan proses pentaksiran yang dilakukan lebih cepat dengan hanya membaca buat pertama:</b><br/>           P2: step yang sebenarnya kan kita kena baca overall dulu... untuk impression, kedua baca untuk penilaian lah... Tapi sebab saya banyak sangat marking so saya baca kali pertama pun saya dah boleh bagi markah...(TB9P2).</p>  |
| Penggunaan skema permarkahan   | <p><b>P3 tidak menggunakan skema tertentu untuk menaksir karangan yang ditulis oleh murid Tingkatan Enam sebaliknya beliau hanya berpandukan pada rujukan dan pengetahuan yang ditimba semasa menghadiri kursus cara penandaan kertas Bahasa Melayu STPM.</b><br/>           P3: Saya tengok panduan dia kata karangan markah dia 50, jadi saya tak buat la macam skema ni jadi saya tengok baca karangan pelajar saya rasa bahasa dia pun ok... untuk pendahuluan buat yang baik markahnya 3, kurang menarik dan sebagainya bagi 1, jadi saya ikut formula tu la sekarang. Saya cuba ikut (TB3P3).</p> <p><b>Kebergantungan pada skema permarkahan</b><br/>           P6: Ok, kita guna tanda memang guna skema. Ok, skema tu saya guna skema berdasarkan SPM. Ha. Dia ada skor dia mengikut tahap lah ok. Dia ada gred Baik, Cemerlang, Memuaskan ok Sederhana. Kita tanda ikut gred tu lah (TB10P6).</p> |
| Sikap rigid pemeriksa (penekanan aspek bahasa, idea, kosa kata, ejaan dan tulisan) | <p><b>Tumpuan pada aspek bahasa, idea, kosa kata, ejaan dan kekemasan tulisan yang disampaikan oleh murid dalam penulisan yang membolehkan beliau memberikan markah yang lebih baik bagi sesebuah hasil penulisan:</b><br/>           P3: Baik, ada isi dan bahasa pun menarik. Jadi saya bagi markah tinggi jugalah 40/50 yang itu dari segi impression saya daripada isi dia dan juga bahasanya. Tetapi sekarang ni berdasarkan skema tu saya agak strict sikit lah (TB12P3).</p> <p>P4: Ni.... Isi kamu tapi perkataan tak cukup... perkataan tak cukup jadi tak boleh. Sebab pelajar ni dia kadang keliru kenapa dia punya ni banyak kadang-kadang saya sengaja bagi</p>  |

markah tu sikit sebab dia punya tulisan boleh menjejaskan keputusan peperiksaan dia, dia tak jaga kat situ. Sebab bila tulisan tak cantik, dia tak jaga betul huruf besar kecil tu dah jadi macam satu masalah. Bentuk huruf tu dah jadi kemungkinan kesalahan ejaan, jadi banyak benda dah kat sini (TB4P4).

Pemeriksaan langsung di dalam bilik darjah

**Adakalanya dibuat semasa di dalam kelas dengan cara memanggil murid secara langsung apabila murid berkenaan melakukan kesalahan dalam tugas menulis karangan.**

P5: Bergantung kepada keadaan kadang kala saya akan semak pada masa itu juga dan kalau tak da masa... saya akan panggil sorang-sorang, benda-benda yang bergaris yang ada dalam karangan tu saya akan soal, soal semula (TB8P5).

#### **Catatan Pemerhatian**

P5: telah meminta murid untuk mengemukakan 6 isi yang relevan dalam penulisan karangan mereka. Hal ini adalah bertujuan memenuhi kriteria permarkahan STPM yang dibuat berdasarkan RPB (21m untuk kerelevanan, 14m untuk pengolahan dan 15m untuk bahasa) (CP5P5).

Perkongsian maklumat guru berkaitan prestasi murid dalam laporan prestasi murid STPM

**Catatan pemerhatian yang berikutnya yang mana P5 telah berkongsi maklumat berkaitan Laporan Prestasi Murid STPM 2010 bagi Negeri Pulau Pinang bahawa :**

Murid digalakkan untuk mendapat markah lebih daripada 29 markah daripada 50 markah yang diperuntukkan... Antara kandungan yang dinyatakan dalam laporan tersebut ialah isi yang tidak relevan, tidak mencukupi 650 patah perkataan, bahasa yang digunakan tidak tepat dan melebihi 15 kesalahan bahasa yang maksimum dalam penulisan. Murid akan diberikan markah yang rendah apabila terdapat 15 kesalahan bahasa yang dilakukan dalam karangan. Menurut P5 lagi, pencapaian minimum ialah daripada 0-21, calon sekolah berkenaan antaranya memperolehi 5m bagi yang paling rendah dan 9m bagi yang paling tinggi (CP8P5).

### **Pendekatan Pentaksiran Karangan**

Pendekatan yang digunakan dalam proses pentaksiran karangan Bahasa Melayu amat signifikan dengan amalan pentaksiran yang diaplikasikan oleh setiap peserta kajian bagi memastikan keberkesanan proses pentaksiran. Justeru, pembinaan tema ini bertepatan dengan

keperluan dapatan kajian kerana terdapat dua sub-tema yang ditemui berkaitan dengan persoalan kajian, iaitu cara bagaimana peserta kajian melakukan amalan pentaksiran karangan Bahasa Melayu di sekolah menengah dan penggunaan pendekatan pentaksiran holistik dan pendekatan pentaksiran analitik.

JADUAL 3: Pembuktian dapatan kajian bagi pendekatan pentaksiran karangan

| <b>Pendekatan Pentaksiran Karangan</b> | <b>Pembuktian Data</b>  |
|--|---|
| Pendekatan holistik                    | <p><b>Sebilangan besarnya iaitu tiga orang peserta kajian telah menggunakan pendekatan pentaksiran holistik bagi mendapatkang tanggapan untuk menaksir karangan.</b></p> <p>P1: karangan esei panjang kita buat pentaksiran berdasarkan bahasa pelajar, isi yang dikemukakan dalam karangan dan pengolahan pelajarlah dalam keseluruhan... tapi dalam kebanyakan masa kan kalau ikut SPM... karangan panjang biasanya kita gunakan impression method (TB5P1).</p> <p>P3: Skema... skema mula-mula dulu aaa kalau tahun lepas aaa saya buat macam holistik ja la. Isi pun ada, jadi secara holistik secara impression saya, saya bagi markah (TB3P3).</p> <p>P6: Dia secara holistik. Impression sebab cara penandaan karangan sekarang berdasarkan pada</p> |

impression dengan relevan. Maknanya kita baca secara holistik lepas tu kita akan letakkan karangan tu di tahap mana (TB10P6).

Pendekatan analitik

**Penggunaan pendekatan pentaksiran analitik ini telah diamalkan oleh P2 dan P5.**

P2 : Oh, skema permarkahan tu dia... dia terbahagi kepada banyak la karangan dari segi bahasa, kosa kata, ayat-ayat, dari segi contoh, kata-kata hikmat dia ada pembahagian tertentu la.... (TB2P2).

P5: Misalnya kalau ada perkataan yang kurang daripada 650 misalnya, maka markah akan ditolak daripada satu hingga keempat markah. Hal yang sama berlaku ha apabila kita nak melihat dari segi bahasa pelajar misalnya pelajar yang buat amat baik ialah pelajar yang kesalahannya tidak lebih daripada tiga manakala pelajar yang sangat lemah lebih kurang daripada 16 kesalahan ayat mungkin dilakukan, kesalahan di sini ialah kesalahan ayat, bukan kesalahan kata ataupun pemilihan kata ataupun isi. Ya, struktur ayat. Kebanyakannya dah ditanda dengan garis-garis (TB8P5).

### **Pembinaan Komunikasi antara Guru dengan Murid dalam Proses Pentaksiran Karangan**

Pembinaan komunikasi antara guru dengan murid dalam proses pentaksiran merupakan antara tema yang dapat dijana bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan amalan pentaksiran peserta kajian dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif. Bagi membolehkan murid memahami dan dapat menerima proses pentaksiran yang dilangsungkan oleh kesemua peserta kajian, adalah penting untuk peserta kajian menyediakan kerangka panduan ataupun cara yang sesuai untuk menunjukkan murid akan

kelemahan yang sering kali dilakukan dalam penulisan karangan dan seterusnya dapat difahami oleh murid. Pembinaan komunikasi antara peserta kajian dengan murid terhasil dengan cara peserta kajian menggariskan kesalahan murid dalam karangan yang telah disemak, murid diminta untuk berjumpa dengan peserta kajian sekiranya kesalahan yang dilakukan dalam penulisan karangan merupakan kesalahan yang terlalu jelas, penerangan berkaitan peraturan yang perlu dipatuhi oleh murid apabila mengikuti P&P peserta kajian serta komen ataupun catatan nota peserta kajian bagi hasil penulisan murid yang telah disemak.

JADUAL 4: Pembuktian dapatan kajian bagi pembinaan komunikasi antara guru dengan murid

| <b>Pembinaan Komunikasi Antara Guru Dengan Murid</b>  | <b>Pembuktian Data</b>  |
|---|---|
| Menggariskan kesalahan murid dalam karangan yang telah disemak                              | <p>P1: biasanya cikgu gariskan kemudian cikgu buat pembetulanlah ha hmm, so cikgu dah bagitau dah kalau ayat ha yang cikgu garis tu, cikgu betulkan kena buat pembetulanlah, kalau perkataan yang cikgu bulatkan tu maksudnya kesalahan ejaanlah (TB15P1)</p> <p>P3: kalau ada kesalahan apa-apa ayat tu saya akan garislah kat bawah, kadang saya betulkan juga ayat dia, bila saya serahkan balik kalau nampak kesalahan tu agak serius mungkin dia karangan terpesong ka jadi saya akan bagi tahulah pelajar berkenaan (TB7P3)</p> <p>P6: Ha memang garis biasalah tapi saya tak pernah tulis nota apa ha (TB16P6)</p> |
| Murid diminta untuk berjumpa dengan peserta kajian sekiranya kesalahan yang dilakukan dalam | <p><b>Bagi murid yang terlalu lemah dan melakukan kesalahan yang terlalu jelas, empat orang peserta kajian bersetuju untuk memanggil pelajar berkenaan untuk berjumpa dengan peserta kajian bagi memaklumkan kesalahan yang dibuat oleh murid berkenaan. Peserta kajian ini terdiri daripada P1, P2, P3 dan P5.</b></p> <p>P1: pelajar yang betul-betul memang lemah cikgu akan panggil keluarlah ha (TB15P1)</p>   |

|  |   |
|--|---|
| penulisan karangan merupakan kesalahan yang terlalu jelas,   | <p>oleh P1,</p> <p>P2: saya akan panggilah, teruk tu jumpa saya lah kan... (TB9P2)</p> <p>P3: .... memanggil pelajar-pelajar berkenaan, tunjukkan sendiri kesalahan dia (TB7P3)</p> <p>P5: kalau dia tak tahu dia akan dapat secara teruslah apa kelemahan-kelemahan yang ada dalam penulisannya (TB8P5).</p>   |
| Penerangan berkaitan peraturan yang perlu dipatuhi oleh murid apabila mengikuti P&P peserta kajian | <p><b>Malah, catatan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji mendapati hal yang sama telah dilakukan oleh P5 iaitu :</b></p> <p>P5 kemudiannya duduk di tengah-tengah kelas pada barisan hadapan kelas dan memulangkan semula tugas mengarang yang telah disemak. Setiap murid dipanggil namanya dan diberikan komen bagi hasil penulisan yang telah disemak. Antara komen-komen yang dinyatakan oleh P5 ialah kesalahan tatabahasa, ayat, kosa kata dan penggunaan penanda wacana. P5 juga mengingatkan murid untuk tidak mengulangi kesilapan yang sama dalam penulisan karangan memorandum (CP8P5).</p> <p><b>Penjelasan berkaitan peraturan pengajaran Bahasa Melayu yang seharusnya diikuti oleh murid dalam kelas P4.</b></p> <p>P4: waktu hari yang pertama tu saya akan terangkan apa dia sistem pembelajaran Bahasa Melayu ni dia ada berapa paper, macam mana cara nak jawab macam mana nak skor (TB4P4).</p> |
| Catatan nota peserta kajian bagi hasil penulisan murid yang telah disemak.                         | <p><b>Menulis catatan atau nota pada hasil tugas yang telah disemak untuk diteliti oleh murid akan kesalahan yang dilakukan dalam penulisan.</b></p> <p>P4: saya akan buat tanda besar dalam tu kenapa tak siap tulis kan kenapa tak siapkan masa sama jadi dia tak suka warna merah banyak sebenarnya dalam buku dia, error (TB4P4).</p> <p><b>Tidak gemar membuat catatan atau nota pada hasil penulisan murid.</b></p> <p>P6: nak pelajar datang sendiri jumpa saya. Budak ni dia dapat kurang markah 1 pun dia dah mai tanya kita sebab apa, pasal apa saya kurang daripada dia (TB16P6) bagi menentukan kesalahan yang dibuat dalam penulisan.</p>   |

Bukti bagi cara pentaksiran yang dapat difahami oleh murid dengan menggariskan

kesalahan bahasa dan ayat dipaparkan menerusi dokumen karangan dalam Contoh 1 dan 2.

## CONTOH 1: Contoh karangan argumentatif jenayah dalam kalangan remaja (P2)

|  |   |
|--|---|
|  | <p>Remaja ialah pemimpin negara pada masa hadapan. Namun, banyak yang terjerumus dalam kegiatan maksiat <sup>Hal</sup> yang akan menyebabkan masa hadapan mereka terjejas. Mengikut statistik pihak polis, 64% remaja pernah melakukan jenayah.</p> <p><del>Ini lebih daripada separuh kalangan remaja di Malaysia.</del></p> <p>Terdapat pelbagai cara untuk menangani masalah <sup>yang semakin memuncip</sup> ini. Antaranya, <del>didikan awal ibu bapa, guru menggunakan kreativiti untuk menarik minat mereka untuk belajar, pengetahuan tentang agama perlu ditekankan, pergerakan belia mengadakan aktiviti-aktiviti sosial yang bermakna, dan menguatkuasakan undang-undang.</del></p>   |
|  | <p><sup>ikan</sup></p> <p>Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah ini. <sup>Ibu bapa harus membekalkan</sup> Didikan awal mereka seperti didikan awal kepada anak mereka seperti membekalkan perhatian sepenuhnya, menerapkan pendidikan. <sup>menggunakan</sup> pendidikan agama, dan juga <del>mereka</del> melatih anak <del>ke arah tabayaqam</del> Timur dan <sup>budaya</sup> Barat. Anak Remaja <sup>yang</sup> <del>juga</del> mendapat kasih sayang secukupnya dan ibu bapa <sup>tidak akan terjerumus</sup> <del>dapat</del> menjadi panduan dalam <sup>kearah</sup> jenayah. Panduan daripada ibu bapa mampu menjadi pengikat anak-anak mereka. <del>Jikalau anak mereka kehabis</del> untuk mengelakkan diri mereka daripada <sup>menegeri</sup> <del>menegeri</del> <sup>ke arah</sup> <del>ke arah</del> perbuatan jenayah.</p> |

## CONTOH 2: Contoh karangan argumentatif kenaikan harga minyak (P5)

Kesan kenaikan harga minyak juga tidak dapat mencapai guna tenaga penuh. Hal ini kerana pelbagai firma akan mengurangkan pengupaan buruh untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan kerana untuk menetapkan kos bagi menampung pengurusan minyak. Apabila buruh dikurangkan kerana kenaikan harga minyak, negara kita akan berlaku pengangguran secara meningkat. Apabila berlaku pengangguran timbulnya gejala negatif yang ~~to~~ meningkat, seperti samun dan meragui. Selain itu, gejala negatif <sup>tata bahasa</sup> meningkat kerana harga menaik akan disebabkan penyeludupan berlaku. Hal ini akan mengurangkan beban bahan mentah <sup>amat</sup> <sup>lemah</sup> <sup>lembah</sup> di negara kita dan akan berkurangan. Oleh itu negara kita akan mengalami kerugian yang besar.

Kesimpulannya, ~~se~~ semua orang perlu berganding bahu untuk memulihkan ekonomi negara kita selain itu, negara kita ~~ne~~ perlu memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan supaya tidak berlaku pengangguran yang ketara. ~~Se~~ Negara kita perlu melahirkan buruh yang mahir untuk meningkatkan pendapatan negara. Kerajaan juga perlu ~~meningkatkan~~ mengawal ~~to~~ harga barang seperti beras dan gula. Kerajaan juga perlu <sup>kaitan</sup> mengambil tindakan yang semajmunya terhadap peruncit <sup>dan</sup> <sup>barang</sup> menyrotak barang keperluan asas. Negara <sup>mana?</sup> <sup>mana?</sup> kita perlu mengurangkan inflasi pada tahun 2020 pada masa yang akan datang.

R 10  
P 6  
B 5

21 Amat Lemah  
Jumpa saya  
untuk peningkatan  
prestasi penulisan  
sebelum percubaan

### Masalah Pelaksanaan Proses Pentaksiran Karangan

Antara masalah yang menjadi kekangan terhadap proses pentaksiran yang berkesan dilaksanakan oleh peserta kajian ialah ketidaktepatan masa murid menyelesaikan tugas, aktiviti meniru

hasil penulisan rakan sebaya, bahan rujukan atau meminta bantuan individu lain menyelesaikan tugas mengarang, jangka masa proses pentaksiran guru, kelemahan penggunaan pendekatan holistik dan perbezaan pengalaman sebagai pemeriksa kertas peperiksaan umum.

JADUAL 5: Pembuktian dapatan kajian bagi masalah pelaksanaan proses pentaksiran

| <b>Masalah Pelaksanaan<br/>Proses Pentaksiran<br/>Karangan</b> | <b>Pembuktian Data</b>   |
|--|--|
| Ketidaktepatan masa murid menyelesaikan tugas                  | <p><b>Bagi P1, P2, P4 dan P6 yang mengajar murid Tingkatan Dua dan Tingkatan Empat, kesemua peserta kajian ini bersetuju bahawa ketelusan proses pentaksiran gagal dilakukan apabila murid membawa pulang ke rumah tugas karangan kerana murid memperuntukkan masa yang panjang berbanding keperluan sebenar peperiksaan</b></p> <p>P1: Ha, terdapat masalah lah yang biasanya tidak dapat dielakkan sebab apabila pelajar bawa balik buku karangan dia kena menggunakan masa dengan lebih panjanglah (TB5P1).</p> <p>P2: memang la dari segi masa tu tak cukup contrains kan time-contrains (TB9P2)</p>   |
| Aktiviti meniru hasil penulisan                                | <p><b>Proses pentaksiran juga sukar dilakukan memandangkan terdapat sebilangan murid yang meniru.</b></p> <p>P1: dia tiru dari buku rujukan ataupun mungkin dia ambil buku kawan dia dah siaplah... mungkin ada pelajar yang suruh aaa biasanya suruh guru tuyen lah yang buat karangan ha (TB5P1).</p> <p>P2: walaupun mereka tanya kawan sikit-sikit, cara mereka buat ayat tu berbeza lah sebelum ni kalau macam mereka buat ayat tu nampak cantik ja kan kalau yang ni nampak berserabut, ayat ni contoh tak betul, perkataan tu walaupun dah bagitau perkataan tu salah lepa guna juga ha (TB9P2).</p>  |
| Jangka masa proses pentaksiran guru                            | <p><b>Dua jangka masa iaitu seminggu dan dua minggu bagi membolehkan peserta kajian melaksanakan proses pentaksiran karangan.</b></p> <p>Bagi jangka masa selama seminggu, separuh daripada peserta kajian mengakui bahawa jangka masa ini diperlukan untuk melakukan proses pentaksiran karangan selepas murid menghantar tugas mengarang. Mereka ialah P1, P2 dan P4 memandangkan peserta kajian mengajar murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Dua kerana kepanjangan karangan yang ditulis terbatas pada 180 patah perkataan bagi peperiksaan PMR dan 350 patah perkataan bagi peperiksaan SPM.</p> <p>P1: aaa cikgu ambil masa aaa paling lama pun seminggu la ha paling lama biasanya kurang daripada seminggu hmm (TB15P1).</p> <p>P2: Dalam minggu pertama saya buat kelas pertama dalam masa seminggu tu juga saya akan kembalikan buku lah (TB9P2).</p> <p>P4:nak baca nak semak dia punya kesalahan lagi jadi dia paling lama lah kadang-kadang sampai seminggu juga ha (TB7P4).</p> <p>P3 dan P5 yang mengajar murid Tingkatan Enam, kedua-duanya mengakui bahawa tempoh masa yang diperlukan untuk menaksir hasil penulisan murid memerlukan masa hampir dua minggu memandangkan keperluan penulisan karangan peringkat peperiksaan STPM ialah sebanyak 650 hingga 700 patah perkataan.</p> <p>P3: Ermm kalau saya mengambil masa jugalah sebab karangan mereka panjang dan lepas tu ada juga aaa sebab Tingkatan Enam dia semua dalam bentuk esei ya jawapan dia, Ha termasuk rumusan, alih teks jadi mengambil masa kadang-kadang dua minggu jugalah (TB7P3).</p> |

P5: Ya, selalunya masa yang diambil dalam tempoh seminggu dualah, bergantung pada keadaanlah... tapi karangan peringkat STPM memerlukan penelitian daripada banyak sudutlah, banyak sudut (TB8P5).

P6 pula didapati tidak menyatakan waktu yang khusus yang diperuntukkan untuk menaksir karangan sebaliknya P6 menyatakan bahawa penandaan bagi Kertas 2 peperiksaan SPM lebih mudah untuk dilakukan berbanding Kertas 1 yang memerlukan P6 lebih menumpukan perhatian untuk mendapatkan impression.

P6: Untuk Kertas 2 takpa bila pun boleh tanda tapi Kertas 1 untuk karangan mesti kita tenang, tak dak kerja apa baru boleh tanda, tak dak gangguan orang kata ha barulah kita boleh bagi dia punya tahap dia, fokuslah lepas tu kita tak bias lah ha macam tulah (TB10P6).

P4 pula beliau memerlukan jangka masa yang panjang untuk melakukan proses pentaksiran yang berterusan dan berkualiti. Hal ini demikian kerana beliau perlu melakukan proses penandaan buku karangan pada setiap hari memandangkan beliau mengajar Bahasa Melayu bagi empat buah kelas.

P4: Cuma dari segi dari segi yang anggap mencabar di sekolah ni untuk menanda, untuk menanda. Kalau satu kelas tu ada 40, ada empat kelas bermakna satu hari ada 160 buku yang saya kena tanda setiap hari. Jadi kalau aaa kita tangguh kerja (TB4P4).

Kelemahan penggunaan pendekatan holistik

**P6 menyenaraikan beberapa masalah atau kelemahan pendekatan holistik. Antaranya ialah pengaruh emosi pemeriksa untuk memberikan tumpuan bagi melaksanakan proses pentaksiran.**

P6: Jadi bila takut bila pemeriksa tu dia ada ha dia tension apa semua ok impression dia takkan sampai ke tahap yang sepatutnya (TB10P6).

P6: saya rasa penat bukan apa nak kena tumpu satu kertas tu straight kan terus kena baca sampai habis... dah impression kita dah lari ... Pemeriksa keliru kalau dia letak ok penandaan analitik kan, isi pertama dia bagus kita boleh letak 10 lah dah mai isi kedua aaa kurang baik kata kita tanda jadi kita campur jadi kita tak rasa ralat nak bagi markah (TB16P6).

Perbezaan pengalaman guru sebagai pemeriksa kertas peperiksaan umum

**Tuntutan penulisan karangan panjang peringkat STPM adalah berbeza dengan karangan bagi peringkat SPM mahupun PMR yang memerlukan guru berpengalaman untuk menaksir karangan.**

P3: kalau mengajar Tingkatan Enam dia memerlukan guru yang memang aaa tahu apa periksa... kertas saya ingat sebab Tingkatan Enam saya dapati dia berbeza sedikit daripada tingkatan yang untuk SPM l...., jadi kalau tak dak pengalaman sebagai pemeriksa saya ingat... mungkin saya pemeriksa seperti saya periksa karangan untuk pelajar SPM haa (TB3P3).

**Perbezaan pengalaman sebagai pemeriksa kertas peperiksaan umum juga merupakan antara isu utama proses pentaksiran.**

Daripada jumlah enam orang peserta kajian yang terlibat, seramai 4 orang peserta kajian merupakan pemeriksa kertas peperiksaan bagi PMR, SPM dan STPM yang dilantik oleh LPM dan MPM. Mereka terdiri daripada P2, P4, P5 dan P6.

P2: perbezaan wujud apabila cikgu-cikgu baharu yang bukan opsyen BM memang tak tau nak marking macam mana at least ada panduan tu, lepa boleh ikut standardized la, satgi cikgu ni marking macam tu, cikgu ni marking markah tinggi markah rendah sebab sebelum ni ada kes macam tu, so sekarang ni kalau ada skema tu semua ikut skema tu ja lah (TB2P2).

P4: Biasanya saya takkan bagi markah yang tinggi sebab saya tak nak pelajar saya selesa dengan markah yang tinggi. Bila saya bagi markah tinggi nanti mereka takkan berusaha... dalam peperiksaan (TB7P4).

P5:Ya, semestinya berbeza kerana kebanyakan guru yang tak memeriksa mereka tidak tahu apa kriteria yang perlu misalnya R relevan, P pengolahan, B bahasa mungkin mereka telah dapat pendedahan sedikitlah kerana RPB tu tapi tak lah secara mendalam macam mana cara .... Kerana kebanyakan mereka yang tak memeriksa kadang-kadang kala mereka tanya juga ha pemeriksa-pemeriksa yang lain kan misalnya macam mana caranya jadi kita akan berikan lah contoh-contoh (TB11P5).

**Adanya pendedahan terhadap cara pentaksiran karangan yang betul apabila menghadiri kursus penandaan kertas peperiksaan, seseorang guru lebih yakin untuk mengajar, dan tidak bersikap terlalu tegas atau terlalu mudah untuk menerima idea yang ditulis oleh murid.**

P6: Daripada panitia sekolah dia akan buat latihan dalam perkhidmatan iaitu cara macam mana penandaan kan jadi memang lah tetap tak sedetail kita dapat bila macam mana kita pi kursus kan bila pi kursus penandaan kita akan dapat seminggu kita dok sana dia akan seminggu tu train tanda ja jadi kita dapat maklum lebih la bila makna cikgu yang nampak berbeza la dia punya cara penandaan sebab apa guru yang SPM ni dia bila dia dah biasa tanda, dia tau macam isi ni boleh diterima, isi ni tak boleh terima (TB10P6).

## KESIMPULAN

Dalam kajian ini, hampir kesemua peserta kajian dilihat sangat selesa menggunakan pendekatan holistik bagi melaksanakan proses pentaksiran karangan Bahasa Melayu. Amalan pelaksanaan proses pentaksiran karangan Bahasa Melayu ini menyamai dapatan kajian yang dilakukan oleh Hashim (2003), Noor Izham et al. (2012), Normah (2006) dan Ahmad Hozzi (2009). Penggunaan pendekatan holistik pada perspektif peserta kajian adalah untuk menilai idea dan pemikiran yang ingin disampaikan oleh murid atau organisasi dalam penulisan yang dihasilkan.

Untuk keperluan ini, peserta kajian hanya perlu melakukan bacaan secara tanggapan (*impression*) sebanyak dua kali atau lebih membaca untuk memeriksa kewujudan dan kesesuaian idea atau organisasi sahaja. Pengurangan beban pemeriksaan seperti peruntukan tenaga dan masa yang panjang dapat dielakkan menurut peserta kajian sebaliknya mereka dapat menumpukan perhatian yang lebih untuk merancang dan melakukan persediaan agar pengajaran sentiasa berkesan. Di samping itu, buku latihan murid juga tidak dipenuhi dengan terlalu banyak catatan dan tanda-tanda merah

yang boleh melemahkan semangat (Roselan, 2001; Mahzan, 2008 & Lee Lai Fong, 2010).

Kajian Noor Izam et al. (2012), Suzana dan Jamil (2012) telah mendapati antara kelemahan pendekatan pentaksiran holistik ialah pemeriksa yang menggunakan pendekatan ini perlu terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman dan mahir dalam menguasai kandungan pelajaran memandangkan pemeriksa perlu membina tanggapan dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap karangan yang ditaksir. Namun, para guru di sekolah sebaliknya hanya mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang terbatas dalam melakukan proses pentaksiran secara holistik kerana para guru hanya berpandukan kepada skema yang diberikan dalam mesyuarat panitia di sekolah dan tidak mendapat latihan yang tepat berkaitan proses pentaksiran.

Selain itu, aspek ketidakseimbangan pemberian markah terhadap hasil penulisan murid sehingga menjejaskan keyakinan murid juga merupakan permasalahan bagi aplikasi pendekatan pentaksiran holistik secara menyeluruh di samping tuntutan berkaitan penyediaan skema jawapan yang lebih awal dibuat oleh guru sebelum membuat pentaksiran karangan murid di sekolah.

Kesemua dapatan kajian yang menunjukkan adanya kekangan yang menghalang proses pentaksiran yang dilaksanakan oleh kesemua peserta kajian dilihat hampir menyerupai dapatan kajian Rohaya dan Mohd Najib (2008), iaitu jangka masa proses pentaksiran, kekurangan pengetahuan dan latihan berkaitan proses pentaksiran dan perbezaan pengalaman antara guru yang bertugas sebagai pemeriksa kertas peperiksaan Bahasa Melayu. Kesemua isu yang diutarakan oleh peserta kajian jelas menunjukkan bahawa proses pentaksiran merupakan proses yang sukar untuk dilaksanakan bagi mencapai sesebuah objektif pengajaran. Hal ini demikian kerana tingkah laku dan reaksi pembelajaran murid adalah sukar untuk dijangkakan lantas menjadikan guru tidak berupaya membina petua atau kerangka panduan tertentu bagi membuat keputusan yang jelas berkaitan prestasi sebenar murid.

Perspektif Vygotskian berkaitan pentaksiran pendidikan memberikan tumpuan bahawa guru perlu memainkan peranan sebagai individu yang berupaya untuk mengesan perkembangan kebolehan, kemajuan dan pencapaian murid (Noor Hanim, 2010; Lee Lai Fong, 2010; Yahya, Roselan & Naffi, 2009; Roselan, 2001; Mahzan,

2008; Gredler & Shields, 2008; Holzman, 2009; Wink & Putney, 2002; Haywood & Lidz, 2007; Huzaina, 2007). Hal ini disebabkan perlunya seseorang guru itu membuat perancangan hasil pembelajaran yang ingin ditaksir dan seterusnya berupaya untuk merangka kaedah pentaksiran yang relevan dan melaksanakan proses pentaksiran yang berkesan. Menerusi laporan prestasi murid yang telah ditaksir, guru dapat menjalankan aktiviti susulan untuk mengatasi sebarang permasalahan yang berlaku dalam pembelajaran.

Malah, perspektif Vygotskian juga menegaskan bahawa guru perlu memastikan sebelum perancangan hala tuju pengajaran dan pelaksanaan aktiviti bilik darjah dilakukan, guru perlu mengetahui atau berupaya untuk menjangkakan pemikiran murid. Dengan erti kata lain, guru mampu untuk mengetahui apakah yang difikirkan oleh murid, dan dianggap sebagai betul bagi murid dan guru sendiri. Proses ini melibatkan bukan sahaja sama ada adakah murid mempunyai jawapan yang betul atau salah semata-mata sebaliknya kemampuan guru untuk membuat bayangan atau gambaran terhadap pola-pola pemikiran yang dibentuk dalam minda murid agar lebih tersusun dan bermakna.

## RUJUKAN

- Abdullah Mohd Zin, Saadiyah Darus & Norhayati Mat Kassim. (2003). Satu pendekatan bagi membangunkan peralatan permarkahan esei berkomputer. *Jurnal Teknologi*, 39 (D): 3-26.
- Abdul Jalil Othman, Mahzan Arshad & Rahmad Sukor Ab. Samad.(2008). Penggunaan kohesi gramatikal dan leksikal dalam mod penulisan argumentatif dan ekspositori. *Masalah Pendidikan*, 31 (1): 135-146.
- Ahmad Hozi H. A. Rahman. (2009). Menguji dan menaksir kefahaman pelajar. Dlm. Noraini Idris & Shuki Osman (Pnyt.). *Pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis*, 189-230. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Bacha, N. (2001). Writing evaluation: What can analytic versus holistic essay scoring tell us? *System*, 29: 371-383.
- Charney, D. (1984). The validity of using holistic scoring to evaluate writing: A critical overview. *Research in the Teaching of English*, 18 (1): 65-81.
- Cho, Y. (2003). Assessing writing: Are we bound by only one method? *Assessing Writing*, 8: 165-191.
- Diah Zuikaningsih. (2010). Peningkatan ketrampilan menulis karangan berdasarkan pengalaman melalui teknik kumon dengan media lukisan pada siswa V SD Negeri 01 Kaligiri Brebes. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Semarang, Jawa Tengah.
- Gerring, J. (2007). *Case study research principles and practices*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Glensne, C. (2011). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. Fourth Edition. Boston: Pearson Education.
- Gredler, M.E. & Shields C.C. (2008). *Vygotsky's legacy: A foundation for research and practice*. New York: The Guilford Press.
- Harison @ Hanisa Mohd Sidek. (2010). ESL writing assessment. In. Normazla Ahmad

- Mahir, Noor Saazai Mat Saad & Harison @ Hanisa Mohd Sidek. (Eds.). *Essays on ESL reading and writing*, 129-150. Nilai: USIM Publisher.
- Hashim Othman (2003). *Kemahiran menulis: Perspektif komunikatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Haywood, H.C & Lidz, C.S. (2007). *Dynamic assessment in practice clinical and educational applications*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Holzman, L. (2009). *Vygotsky at work and play*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Huzaina Abdul Halim. (2007). Aplikasi Penyemakan semula oleh rakan sebaya dalam meningkatkan kemahiran menulis. *Masalah Pendidikan*, 30 (1): 51-60.
- Lee Lai Fong. (2010). Revitalising teacher feedback in the esl writing class and student response through a sociocultural approach. In. Faizah Abd Majid & Izaham Shah Ismail. (Eds.). *Reading on ESL: Reading and writing instruction*, 131-158. Shah Alam: University Publication Centre (UPENA).
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2007). *Kupasan mutu jawapan PMR*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Moore, N.S. & MacArthur, C.A. (2011). The effects of being a reader and of observing readers on fifth grade students' argumentative writing and revising. *Reading and Writing*, 25 (6): 1449-1478.
- Nimehchisalem, V. (2011). Determining the evaluative criteria of an argumentative writing scale. *English Language Teaching*, 4 (1): 58-69.
- Normah Othman. (2006). Assessment of direct writing in ESL classroom in selected Malaysian secondary schools. Disertasi Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Noor Izam Mohd Taib, Zamri Mahamod, A Rahman Haron & Rozaiman Makmun. (2012). Kebolehpercayaan Pemeriksaan karangan secara holistik berdasarkan jantina dan pengalaman dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 43-64.
- Noor Hanim Rahmat. (2010). Collaborative and experiential learning in the writing class through peer editing. In. Faizah Abd Majid & Izaham Shah Ismail. (Eds.). *Reading on ESL: Reading and writing instruction*, 77-114. Shah Alam: University Publication Centre (UPENA).
- Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar. (2008). Pembinaan dan pengesahan instrumen bagi mengukur tahap literasi pentaksiran guru sekolah menengah di Malaysia. Kertas Kerja dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah, 25-27 November 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Roselan Baki. (2001). *Interaksi lisan pengajaran penulisan Bahasa Melayu daripada perspektif guru*. Disertasi Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Shepard, L.A. (2000). *The role of classroom assessment in teaching and learning*. California: The Regents of the University of California.
- Suseela Malakolunthu. (2001). Pengumpulan dan analisis data kualitatif: Satu imbasan. Dlm. Marohaini Yusoff. (Pnyt.). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*, 121-154. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suzana Abd. Mutalib & Jamil Ahmad. (2012). Penggunaan teknik pentaksiran formatif dalam subjek Bahasa Melayu darjah satu: Kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 17-30.
- Wei Zhu. (2001). Performing argumentative writing in English: Difficulties, processes and strategies. *TESL Canada Journal*, 19 (1): 34-50.
- Wink, J. & Putney, L. (2002). *A vision of Vygotsky*. Boston: Pearson Education Company.

- Wolfe, C.R., Britt, M.A. & Butler, J.A. (2009). Argumentation schema and the myside bias in written argumentation. *Written Communication*, 26: 183-209.
- Wood, N.V. (2001). *Writing argumentative essays*. Second Edition. New Jersey: Prentice Hall International.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman, Roselan Baki & Naffi Mat. (2009). *Pemeriksaan pendidikan Bahasa Melayu: Dari teori ke praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yin, R.K. (2009). *Case study: Research design and methods*. Fourth Edition. Thousand Oaks, California: Sage Publications Inc.